

Oleh SYED AZIMAL AMIR SYED ABU BAKAR



Tunggu Peguam Negara

KITA selalu terbaca berkaitan dengan kes-kes inkues yang mana kesimpulan yang dibuat oleh koroner di akhir siasatan. Di akhir sesuatu siasatan, inkues Koroner hanya boleh membuat kesimpulan daripada siasatannya seperti berikut:

- Seksyen 337 Kanun Tatacara Jenayah, menyatakan adalah tugas Koroner untuk memastikan -
- Bila si mati meninggal dunia/mati?
 - Di mana si mati meninggal dunia/mati?
 - Bagaimana si mati meninggal dunia/mati?
 - Si mati mati di dalam apa cara?
 - Adakah sesiapa bertanggungjawab secara jenayah berkenaan kematian simatj?

Dalam siasatan inkues di Malaysia ia bukanlah satu forum untuk mengumpul keterangan bagi tujuan pendakwaan kes jenayah atau pun kes sivil dan Koroner tidak boleh mengarahkan pihak pihak menahan atau menuduh mana-mana individu sebagaimana petikan di dalam inkues Ganga Gouri Raja Sundaram (2104) ILNS 578.

In Malaysia, a coroner's inquest is governed by the CPC. The main purpose of an inquest is to record the evidence and for the Magistrate to make his finding and transmit it to the Public Prosecutor. However, in the Malaysian context, the inquest does not serve as "a forum for attempts to gather evidence for pending or future criminal or civil proceedings" (Regina v. Poplar Coroner, Ex parte Thomas (1993) 2 WLR 547, at 553). Again, in the Malaysian context, a Magistrate has no power to direct the arrest and charge of an accused person (Public Prosecutor v. Ahmad bin Din (1956) 1 LNS 80; (1956) 22 MLJ 235).

Namun di bawah Seksyen 338 Kanun Acara Jenayah Koroner perlu menyerahkan rekod prosiding kepada pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya. Dan di bawah Seksyen 339 Kanun yang sama memberikan kuasa pada pendakwa raya memohon kepada mahkamah untuk

MALAYSIA KITA

Maro

2018



2019



SISTEM GST LEBIH BAIK - AHLI PARLIMEN KANGAR



MUHAMMAD ADIB
MOHD. KASSIM.

melakukan siasatan lanjut iaitu inkues lanjutan jika ada keperluan namun ia tidak terpakai bagi kes-kes yang melibatkan jenayah bunuh atau membunuh tanpa niat.

Dalam inkues Muhammad Adib Mohd. Kassim, seorang ahli bomba yang terkorban semasa rusuhan yang mana ramai telah mengikutinya melalui media-media cetak atau elektronik didapati koroner telah mencapai satu kesimpulan bahawa mangsa meninggal dunia bukan akibat daripada perbuatan diri sendiri atau daripada kemalangan tetapi perbuatan jenayah yang dilakukan oleh dua atau lebih orang yang tidak

“*Inkues sekadar pembuka jalan bagi siasatan selanjutnya yang lebih terperinci dan satu cara untuk membantu pihak yang berkepentingan mendapat keadilan, namun kuasa pendakwaan masih terletak di dalam genggamannya Peguam Negara.*

dikenali.

Apakah tindakan selanjutnya yang harus dilakukan oleh Mahkamah Koroner selain membuat kesimpulan di akhir inkues?

Koroner hanya mempunyai kuasa untuk menyerahkan catatan prosiding kepada pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya dan tidak lebih daripada itu. Koroner tidak boleh mensabitkan

sesiapa dalam inkues atau menyatakan bahawa seseorang itu adalah bertanggung jawab dari segi jenayah (*criminally liable*).

Sebagaimana yang diketahui kuasa pendakwaan adalah di bawah budi bicara pendakwa raya sebagaimana di bawah Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diputuskan dalam kes di bawah ini bahawa hala tuju pendakwaan kes jenayah adalah di bawah budi bicara yang luas Peguam Negara.

Bukan sahaja beliau boleh mengarahkan supaya mengambil tindakan malah Peguam Negara boleh mengarahkan untuk tidak mengambil tindakan atau menarik balik tindakan dan mahkamah tiada kuasa untuk mengarahkan Peguam Negara untuk mengambil tindakan prosiding jenayah yang mana Peguam Negara enggan mengambil tindakan prosiding jenayah atau menghentikan tindakan prosiding jenayah.

In Long bin Samat & Ors v. Public Prosecutor (1974) 1 LNS 80; (1974) 1 MLRA 412, at page 425, the Federal Court aptly said that Article 145(3) of the Federal Constitution, "gives the Attorney-General very wide discretion over the control and direction of all criminal

prosecutions. Not only may he institute and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted, and the courts cannot compel him to institute any criminal proceedings which he does not wish to institute or to go on with any criminal proceedings which he has decided to discontinue.

Namun oleh kerana sebelum ini terdapat affidavit Peguam Negara berkaitan dengan isu sebab kematian telah dikemukakan kepada mahkamah (akhbar *Star Online* 16 Julai 2019) maka perkara ini harus diambil kira dalam menunggu keputusan Peguam Negara dalam menggunakan budi bicaranya.

Seharusnya dahulu siasatan jenayah boleh dijalankan serentak dengan inkues yang telah dimulakan. Suspek-suspek yang ditahan sebelum ini telah diberikan jaminan polisi untuk memastikan mereka hadir jika diperlukan dalam membantu siasatan lanjut dan boleh dipanggil semula untuk memberikan keterangan lanjut.

Kelewatan menyasat kes ini akan memprejudiskan pihak si mati untuk mendapatkan keadilan. Namun demikian keluarga bagi pihak si mati boleh juga mengambil tindakan sivil bagi mendapatkan ganti rugi akibat daripada kecuaihan pihak-pihak tertentu.

Guaman sivil boleh diambil umpamanya dalam Kes Koperlah Zainal Mohd. Ali 7 Ors v Selvi Narayanan & Ors (2018) 1 LNS 470. Yang mana dalam kes ini tindakan sivil telah diambil apabila keputusan Koroner menyatakan bahawa si mati meninggal dunia di dalam lokap akibat kecuaihan pihak polis.

Inkues sekadar pembuka jalan bagi siasatan selanjutnya yang lebih terperinci dan satu cara untuk membantu pihak yang berkepentingan mendapat keadilan, namun kuasa pendakwaan masih terletak dalam genggamannya Peguam Negara.

■ DATUK SYED AZIMAL AMIR SYED ABU BAKAR ialah seorang pengamal undang-undang.